PESANAN RASULULLAH (SAW)

"Pesanan Rasulullah (SAW)" demikianlah tajuk karangan Tuan Muhammad Natsir dalam kitab *Capita Selecta* (Kumpulan Karangan yang pilihan), kita turunkan di sini munasabah dengan hari memperingati Maulid Nabi ṣallā Allāh 'alaihi wa alihi wa sallam– P. Q

(oleh Muhammad Natsir)

Rabī' al-Awal!

Bulan lahirnya Nabi Muhammad (SAW), seorang yatim yang tiada terdaya.

Rabī' al-Awal!

Bulan hijrahnya Rasulullah pilihan Illahi, dari Mekah ke negeri Ansar.

Rabī' al-Awal!

Bulan wafatnya Nabi, junjungan umat, meninggalkan pusaka yang tak ternilai, wahyu Ilahi dan Sunah Rasul, patuh dengan amanah dan pesanan tempat berpegang kaum muslimin.

Sudah berbelas abad yang silam, semenjak datang dan perginya junjungan kita. Datangnya mendapati kaum yang rosak, kaum yang luluh dalam lumpur kehinaan. Perginya meninggalkan peraturan yang sempurna, umat yang terpimpin kepada setinggi tingkat kemanusiaan.

Sungguh menakjubkan hasil usahanya pilihan Allah Muhammad (SAW)! Bukan sedikit musuh mesti ditentang, bukan kecil rintangan perlu dilampaui. Berdiri dengan sendirinya, tak ada tempat berpegang selain dari tali Allah. Sedikit pun tak bergoncang pendiriannya menghancurkan yang batil, mempertahankan yang hak, menentang musuh dari luar, menyingkirkan "kawan" yang jadi munafik. Yakin akan kemenangan di hari kelak, yang telah dijanjikan Ilahi kepada hamba-hambanya yang taqwa dan tawakal.

Ditengah-tengah kaum yang tak beragama, berhadapan dengan kaum yang mengubah agama Allah, Muhammad (SAW) sedikit pun tak pernah gugup menamakan "salah" apabila batil, menghukum "benar" apabila hak. Tak ada yang setengah salah, tak ada pula yang separuh benar. Meskipun kebenaran pada sisi yang lemah, sekalipun kebatilan pada pihak yang gagah dan berkuasa. berhadapan dengan Nasrani dan Yahudi tak ada kegugupan Muhammad (SAW) memperingatkan berterus terang:

"Barangsiapa yang berkehendak kepada satu agama selain dari Islam, maka itu tidak akan diterima daripadanya dan pada hari kemudian, jadilah mereka orang yang rugi". Āli 'Imrān: 85.

Tak ada separuh Islam yang ia benarkan, tak ada setengah batil (salah) yang ia akui. Bertambahnya umat yang mengikut Muhammad (SAW) dari Siti Khadijah *(*RA*)*, "*Ummul Mukminin*", sampai beratus berbilang ribu, bukan kerana diumpan dengan memasukkan kepercayaan dan pemandangan yang salah, seperti yang laku di zaman itu.

Bukan! Melainkan tertarif oleh cahaya kebenaran yang tak ada disembunyikan kekuatannya, tidak dikeruhi

kejernihannya. Maka pengikut dan sahabat yang semacam inilah yang rela menderita segala sengsara, mengorbankan harta dan jiwa, menempuh apa juga membela agama dan pemimpinnya.

Mereka yang beginilah, yang tak malu miskin, tak takut lapar, tak ngeri sakit, tak gentar mati. Menunaikan kalimah syahadah, menciptakan sebenar-benar perubahan dalam peredaran riwayat dunia.

Khuatir mengingatkan nasib umatnya akan mudah terpedaya, beliau meninggalkan pesanan dan amanah: "Alangkah inginnya kebanyakan daripada ahli kitab (Nasrani danYahudi) mengembalikan kamu jadi kufur setelah beriman…" – *al-Baqarah*: 109.

KaumYahudi dan Nasrani tidak akan suka kepada engkau, sebelum engkau ikut agama mereka. Katakanlah: Sesungguhnya pemimpin yang benar, hanyalah pemimpin Allah: dan kalau engkau masih juga menurutkan nafsu mereka sesudah engkau memperoleh perlindungan dan pertolongan dari Allah, maka engkau tidak akan dapat pembelaan dan pertolongan lagi dari Allah." – *al-Baqarah*: 120.

Dalam memisahkan yang hak dari yang batil, maka pemimpin umat ini, tidak menghiraukan kepada siapa atau di mana terletaknya kebenaran dan kebatilan itu. Tak enggan mengorbankan pertalian dengan teman seiring yang membahayakan "pergerakan"nya dan tak enggan menyingkirkan karib (kaum kerabat) yang nifak (berlaku munafik) kepada usahanya:

"Hai orang yang beriman! Hendaklah kamu jadi kaum yang mendirikan keadilan dan menjadi saksi kerana Allah, walaupun menentang diri kamu atau kaum kerabatmu. Orang yang kamu saksikan itu, walaupun kaya atau miskin, Allah lebih patuh mengurusnya. Akan tetapi janganlah kamu turut hawa nafsumu, untuk tidak berbuatadil, dan jika kamu khianat atau berpaling sesungguhnya Allah itu amat mengetahui apa yang kamu kerjakan" – *al-Nisā'*: 135.

Pada saat yang amat perlu kepada bantuan kawan pada ketika yang amat penting kepada kekuatan bersama, menentangmusuh dalam peperangan, tak sayang pemimpin umat ini, menolak "sokongan" mereka yang bimbang-bimbang, mundur segan, maju tak berani: "….tidak (perlu) kamu keluar bersamaku selama-lamanya dan tidak (perlu) kamu memerangi musuh bersama aku; kerana kamu lebih senang mengasu (duduk) lebih dahulu, maka sekarang mengasulah (duduklah) bersama-sama orang yang tinggal dibelakang" – *al-Tawbah*: 83.

Bukan persekutuan dengan munafik yang mungkin menolak pengaruh khianat dari dalam dan menangkis serangan lawan dari luar. Hanyalah dengan memisahkan diri, berhijrah dari golongan kawan yang sudah terang musuh, dari kalangan lawan yang merupakan kawan, hijrah dengan keyakinan teguh kepada kesucian dasar usahanya, hijrah yang mencari kekuatan ke dalam kaum yang seasas, secita-cita dan seiman, yang tak mungkin diragui-ragui oleh bayangan-bayangan mereka.

Dalam melakukan kewajipannya sebagai pemimpin, baginda Rasulullah pun tidak sunyi dari menderita bencana dari pihak mereka yang menyamarkan diri sebagai teman itu, tetapi sedikit pun tidak kecewa kerana itu. Kerana bukan nama harum dan "kemasyhuran" yang menjadi tujuannya, bukan pula "simpati" orang yang dicari-carinya, malah lekas hasil usaha itu pun juga tak jadi perhitungan baginya. Hanya kepada kesucian agamanya, keinsafan kepada Ilahi, inilah yang menjadi mata kekuatannya setiap saat. Sengsara dan bahaya baginya memperkuat pendiriannya. Ia tak perlu menanti-nantikan keakuran orang banyak, kerana merasa cukup dengan pimpinan tuhannya. Kemenangan dan kesentosaan tidak menerbitkan megah dan kesombongannya. Ia sentiasa ingat dan insaf , bahawa ia hanya hamba dan Pesuruh Allah;selalu merasa dalam kelapangan, berserah diri kepadaTuhannya, sabar dalam sengsara, syukur dalam kesenangan. Alangkah tabahnya pemimpin ini!

-sambungan pada muka 39-

Larangan ini telah dijelaskan oleh Rasulullah (SAW) dalam suatu hadis sahih menurut riwayat Ibn Ḥabbān dan al-Ḥakam, sabdanya:

"*Ya'ti 'alā al-nās zamānu yaḥliqūn fī masājidahum walaysa hamahum illa al-dunyā, walaysa Allāh fīhim ḥajati falā tajālisūhum"*

Ertinya: "Akan datang bagi manusia satu zaman yang mereka berkumpul-kumpul di masjid-masjid mereka, pada hal perkara yang dibesarkan mereka tidak lain melainkan dunia. Allah tidak menaruh sesuatu hajat kepada mereka, maka itu janganlah kamu duduk dalam kumpulan mereka."

Tak usahlah berbual kosong sedang membaca Quran dengan nyaring yang di dalam masjid dalam masa orang sembahyang adalah dilarang oleh Rasulullah (SAW) menurut hadis yang diriwayatkan oleh Mālik dan al-Tirmidhī, sabdanya:

"*Kharaja al-nabiyyu ṣallā allāhu'alayhi wa sallam 'ala al-nas wahum yuṣallūn waqad 'alit aṣwātuhum bi al-qarā'ati faqāla: inna al-muṣallī yunājī rabbihi falyanẓuri bimā yunājīhi walā yajharu ba'ḍukum'ala ba'ḍ bi al-Qur'an"*

Ertinya: "Nabi (SAW) telah keluar kepada orang ramai dalam masa mereka sedang sembahyang dengan nyaring suara bacaan, Rasulullah pun bersabda: Sesungguhnya orang yang sembahyang itu orang yang bemunajat dengan tuhannya, oleh itu hendaklah ia perhatikan dengan apa ia bermunajat (memohon dengan berbisik) kepadanya, dan janganlah sebahagian daripada kamu menyaringkan bacaan – mengganggu – sebahagian lain".

Dengan ini teranglah bahawa ketenteraman di dalam masjid sangat-sangat dituntut dan sayogialah dihormati.

-sambungan dari muka 7

Rabī'ul Awal, bulan wafatnya…

Pemimpin umat, pilihan Ilahi ini, telah berpulang ke*Rahmatullah* putus pertalian umat dengan jasadnya. Akan tetapi ada perhubungan dengan rohnya. Tetap terdengar olehnya umat Muhammad suara junjungannya, terkadang-kadang lemah lembut, tempoh-tempoh gagap gempita menurut keadaan dan ketika, tetapi tetap dan tegak menyeru umat yang ia cintai, menunjukkan jalan siratul mustaqim.

Sorak surai perayaan Mawlid yang gemuruh, akan beransur hilang dan senyap pula….

Akan tetapi, selama dunia muslimin perlu kepada pemimpin yang sempurna, sesaat pun tidak boleh hilang dari mata tiap-tiap mereka, yangtelah merelakan dirinya untuk memberi contoh dan pimpinan, akan cara bekerja dan dasar pekerjaan pemimpin pilihan ini. Tidak boleh luput dari dada tiap-tiap pemimpin Islam: Ketabahannya yang tidak mundur maju, keguntanannya yang tak boleh ditawar, kerendahan hatinya yang tahan uji, dan keikhlasannya yang berani jamin!

Itu pesanan Nabi tiap-tiap pemimpinnya…!

Ikfalū lī sitta khaṣāli "ikfalu lakum al-jannah: al-ṣalāt wa al-zakāt wa al-amanat wa al-farj wa al-baṭni wa al-lisān" (R. al-Ṭabrānī)

"Jaminlah kepadaku enam perkara, nescaya akan jamin kepada kamu syurga, iaitu: sembahyang, zakat, amanah, kemaluan, perut dan lidah".